

A. Pendahuluan

Pengertian pendidikan secara umum telah diterima sebagai suatu proses persediaan individu dalam menghadapi cabaran hidup supaya ia dapat berperanan dalam masyarakatnya. Persediaan ini merangkumi keseluruhan aspek individu dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi (Noh Abdullah 1986:2)

Perakuan terhadap nilai sukan sebagai sumber pendidikan telah lama dikenalpasti tetapi adalah amat menghairankan nilai-nilai ini tidak dieksploitasikan dan dipergunakan secara maksima. Perkara yang amat menyedihkan ialah kebanyakan orang masih menganggap sukan dan pertandingan adalah suatu aktiviti kesenggangan sahaja atau suatu cara melepaskan ketegangan.

Walaupun telah banyak bahan penulisan mengenai isu-isu sukan dan pendidikan, manifesto UNESCO, Paris bolehlah dianggap sebagai suatu pernyataan yang signifikan dalam menghuraikan kepentingan sukan dalam proses pendidikan. Dalam konteks ini manifesto tersebut mengemukakan :

"Sukan adalah sebahagian yang bersepadu dalam proses pendidikan. Kepentingannya telah lama diperakui. Kegiatannya menawarkan perkembangan fizikal yang optima pada kanak-kanak; mengubahsuai keperluan fisiologi dengan tenaga yang digunakan dan di samping itu ia menggiatkan kestabilan emosi; membantu dalam membentuk keazaman diri dan perwatakan; serta memperkembangkan kesuaian sosial individu..... walau apapun peranan individu dalam masyarakatnya, keperluan-keperluan yang pasti dicerminkan dalam kurikulum pendidikan seharusnya merangkumi keseimbangan perkembangan dan pengkayaan intelektual, fizikal, mental, spiritual serta estetika yang sewajarnya...."

Seandainya pendidikan mengabaikan kepentingan nilai sukan dan pertandingan, maka tidak dapat tidak dikatakan bahawa proses persediaan pendidikan di universiti berkemungkinan akan menghampiri kegagalan. ini bermakna kegagalan dalam melahirkan individu yang lengkap dan sempurna yang berkemampuan menghadapi cabaran hidup yang pada realitinya ialah suatu ikhtiar hidup atau suatu perjuangan yang tiada penghujung.

Sungguhpun prestasi kecemerlangan sukan memerlukan tahap kecergasan fizikal dan kemahiran motor yang tinggi tetapi ia lebih memerlukan kematangan mental dan kestabilan emosi. Adalah benar dan nyata sekali bahawa kebanyakan pencapaian prestasi terbaik adalah di kemuncak kematangan fizikal, mental dan emosi.

Fenomena ini lazimnya dikaitkan dengan kemampuan athlet-athlit di universiti dan adalah tidak menghairankan kebanyakan pemegang rekod dunia atau olimpik adalah terdiri daripada pelajar-pelajar universiti. Sekiranya pelajar-pelajar ini tidak diberi galakkan atau peluang penyertaan mereka disekat, sudah pasti laluan kejayaan ke arah pencapaian kecemerlangan sukan akan terbuntu.

Walaupun falsafah sukan negara secara ringkasnya bertemakan perpaduan, kesejahteraan kesihatan dan imej negara tetapi tumpuan kepada kecemerlangan sukan sewajarnya mendapat tempat dan perhatian universiti-universiti tempatan. Justeru itu peranan universiti bukan sahaja sebagai pusat perkembangan intelektual manusia tetapi dapat berperanan ke arah mempertingkatkan potensi fizikal manusia ke tahap maksima.

Universiti-universiti tempatan sewajarnya dapat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ke arah kecemerlangan sukan. Akan tetapi sebelum ini matlamat sukan atau tujuan mengadakan sukan di universiti dalam kes ini merujuk kepada Universiti Malaya itu tidak berapa jelas. Kegiatan sukan memang diadakan tetapi ini adalah untuk meneruskan rancangan tradisi yang diulangi dari tahun ke setahun tanpa apa-apa matlamat yang mempunyai objektif jangka pendek atau panjang. Kegiatan ini diatur sebagai beberapa peristiwa dalam kampus. Ini termasuklah acara-acara haluansiswa, pesta-pesta tertentu dan pertandingan antara fakulti, asrama dan universiti (Noh Abdullah 1986:6).


Oleh itu pada tahun 1990, Pusat Sukan telah mengubahsuai matlamat sukan Universiti Malaya kepada suatu falsafah Pusat Sukan yang lebih menampakkan ciri-ciri yang merangkumi aspek individu dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi.

B. Falsafah dan Matlamat

Pusat Sukan merupakan suatu badan utama yang merangkakan, merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai jenis kegiatan sukan bagi mencapai hasrat untuk menggalakkan proses pendidikan tidak formal di Universiti Malaya.

Sehingga kini Pusat Sukan tidak mempunyai data yang konkrit bagi menyokong atau menunjukkan peringkat penglibatan pelajar di dalam kegiatan sukan. Akan tetapi di dalam suatu pembentangan kertas kerja bertajuk Falsafah, Objektif dan Struktur Kegiatan Sukan dan Jasmani di Universiti Malaya ada disebut satu pengkategorian (rajah 3.1) seperti berikut :

RAJAH 3.1 : PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI SUKAN DI UNIVERSITI MALAYA



Penglibatan pelajar secara umum dalam kegiatan sukan dan jasmani sebagaimana yang digambarkan di dalam rajah segitiga di atas boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu :

- i. Kategori sangat aktif adalah golongan pelajar yang terdiri dari 5 peratus daripada populasi pelajar universiti dan asrama.
- ii. Kategori aktif adalah berjumlah kira-kira 30 peratus daripada populasi pelajar universiti dan asrama.
- iii. Kategori kurang aktif adalah baki 65 peratus populasi pelajar yang dianggap kurang melibatkan diri atau tidak terlibat secara langsung dalam sebarang kegiatan sukan dan jasmani.

Menurut pembentang kertas kerja tersebut pembahagian penglibatan pelajar tersebut dianggap tidak seimbang bukan sahaja mengikut kategori yang digariskan tetapi juga mengikut komposisi kaum. Majoriti pelajar yang terlibat secara aktif adalah terdiri dari golongan bukan Bumiputera.

Akan tetapi pengkategorian sedemikian tidak bersifat mutlak kerana masih boleh dibuat pengkategorian yang lain tambahan lagi pengkategorian di atas tidak disokong oleh bukti-bukti empirik yang nyata. Apa yang mencatatkan lagi pengkategorian di atas ialah definisi operasional yang telah dikemukakan tidaklah begitu tepat melambangkan peringkat penglibatan. Istilah sangat aktif, aktif dan tidak aktif masih boleh diujahkan lagi maknanya. Misalnya peringkat aktif mungkin bermakna aktif di dalam sukan peringkat asrama atau universiti atau mungkin aktif kerana melakukan senaman setiap hari.

Oleh itu tidak terdapat sebarang bukti atau data yang konkrit untuk menunjukkan peringkat penglibatan pelajar di dalam sukan di Universiti Malaya. Maka itu sehingga kini berapa peratus pelajar yang terlibat dalam sukan atau berapa peratus yang tidak terlibat dalam sukan sehingga kini tidak dikumpul oleh mana-mana pihak mahupun pihak Pusat Sukan.


Dengan menggunakan andaian ini Pusat Sukan telah menggariskan falsafah dan matlamat sukan Universiti Malaya mulai tahun 1990. Falsafah dan dan matlamatnya mengharapkan penglibatan 100 peratus pelajar di dalam aktiviti sukan.

Falsafah

Pusat Sukan telah menetapkan tiga peringkat penglibatan yang perlu dicapai untuk membolehkan penglibatan 100 peratus pelajar. Peringkat penglibatan yang dimaksudkan ialah (rajah 3.2) :

- a. 20 peratus pelajar mengambil bahagian di dalam pertandingan
- b. 30 peratus pelajar yang mengambil bahagian untuk keseronokan dan kecergasan.
- c. 50 peratus pelajar yang tidak mengambil bahagian langsung.

RAJAH 3.2 : PERINGKAT PENGLIBATAN PELAJAR DALAM SUKAN



Masyarakat kini menekankan sukan hanya kepada yang terlibat dengan peringkat 20 peratus sahaja di mana segala perbelanjaan dan kemudahan sukan dihabiskan untuk mereka semata-mata sedangkan 80 peratus lagi ketinggalan. Walaupun terdapat 30 peratus lagi melibatkan diri tetapi hanya sekadar untuk keseronokan sahaja. Jadi secara keseluruhan hanya 50 peratus yang dapat menggunakan kemudahan sukan sedangkan 50 peratus lagi langsung tidak melibatkan diri. Peranan Pusat Sukan ialah untuk menekankan penglibatan 100 peratus dan ia dijadikan sebagai teras dan falsafah Pusat Sukan untuk mendapatkan kemudahan kepada semua orang (Varsiti 1990:190).


Untuk mencapai setiap peringkat penglibatan Pusat Sukan telah menggariskan falsafah berikut (rajah 3.3) :

RAJAH 3.3 FALSAFAH PUSAT SUKAN

**MENINGKATKAN MUTU DAN PRESTASI SUKAN KE TAHAP
KECEMERLANGAN SERTA MENAMBAH PENGLIBATAN
DALAM PERTANDINGAN (20%)**

**MENGALAK LEBIH RAMAI TERLIBAT DALAM
SUKAN PERTANDINGAN (30%)**

**DITARIK MINAT SUPAYA
MELIBATKAN DIRI (50%)**




Daripada rajah di atas kita dapati Pusat Sukan menekankan tiga rangkaian falsafah untuk setiap peringkat penglibatan pelajar dalam sukan. Daripada 100 peratus pelajar yang terlibat dalam aktiviti sukan Pusat Sukan bermatlamat untuk menarik minat mereka yang tidak mengambil bahagian langsung dalam sukan supaya melibatkan diri. Ianya akan terdiri dari 50 peratus daripada populasi pelajar. Mereka ini akan digalakkan supaya sekurang-kurangnya bersenam, menggunakan trek kecerdasan dan bermain untuk keseronokan.

Daripada 50 peratus yang tinggal lagi, 30 peratus akan digalakkan untuk melibatkan diri dalam sukan pertandingan. Sebelum ini mereka hanya mengambil bahagian untuk keseronokan dan kecergasan bagi memenuhi masa lapang. Golongan ini akan ditarik minat supaya melibatkan diri dalam pertandingan antara asrama, mewakili pasukan universiti dan Sukan Malaysia (SUKMA). Baki 20 peratus lagi akan ditingkatkan mutu dan prestasi sukan mereka ke tahap cemerlang serta menambahkan penglibatan dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Buat masa ini tidak ada peserta Universiti Malaya yang mewakili 20 peratus walaupun pada tahun 1970an pemain-pemain Badminton negara terdiri daripada pelajar-pelajar universiti ini. Pada masa kini kebanyakan pelajar Universiti Malaya hanya mencapai peringkat 30 peratus. Oleh itu Pusat Sukan berhasrat untuk mencapai kecemerlangan 20 peratus walaupun sehingga kini tidak ada jangkamasa yang ditetapkan untuk pencapaiannya. Dalam masa yang sama Pusat Sukan juga menekankan konsep sukan untuk semua agar 100 peratus masyarakat universiti ini terlibat dalam kegiatan sukan (rajah 3.4).

RAJAH 3.4 : PERHUBUNGAN ANTARA SAIZ PENGLIBATAN DENGAN TAHAP PENGLIBATAN

TAHAP PENGLIBATAN



Kesimpulan yang dapat dibuat apabila rajah Falsafah Pusat Sukan dan rajah Peringkatan Penglibatan digabungkan adalah seperti berikut (raajah 3.5 dan 3.6):

- i. Pelajar yang tidak mengambil bahagian langsung ditarik minat supaya melibatkan diri.
- ii. Pelajar yang mengambil bahagian untuk keseronokan dan keergasan akan digalakkan lebih ramai daripada mereka untuk terlibat dalam sukan pertandingan.
- iii. Pelajar yang mengambil bahagian dalam pertandingan akan ditingkatkan mutu dan prestasi sukan mereka ke tahap kecemerlangan serta menambah penglibatan mereka dalam pertandingan.

RAJAH 3.5 GABUNGAN PUSAT SUKAN DAN PERINGKAT PENGLIBATAN


FALSAFAH PUSAT SUKAN

PERINGKAT PENGLIBATAN

MENINGKATKAN MUTU DAN PRESTASI SUKAN KE TAHAP KECEMERLANGAN

MENGALAK LEBIH RAMAI TERLIBAT DALAM SUKAN PERTANDINGAN

DITARIK MINAT SUPAYA MELIBATKAN DIRI



20%


30%

50%

MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN


MENGAMBIL BAHAGIAN UNTUK KESERONOKAN DAN KECEGAHAN

TIDAK MENGAMBIL BAHAGIAN LANGSUNG



RAJAH 3.6 : PENGLIBATAN 100% UNTUK PENCAPAIAN KECEMERLANGAN

KECEMERLANGAN



KESELURUHAN

2. Matlamat

Penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan sering dikecam kerana dikatakan kegiatan sukan hanya setakat 'melarikan diri' daripada tanggungjawab yang lebih bermakna seperti membaca buku untuk lulus peperiksaan. Masyarakat tidak menyedari atau tidak disedarkan mengenai kelebihan-kelebihan yang bakal diperolehi oleh seseorang individu apabila melibatkan diri dalam sukan.

Dalam usaha menyedarkan masyarakat kampus mengenai kelebihan-kelebihan ini, Pusat Sukan telah menggariskan matlamat induk berikut :


Menghasilkan individu yang melibatkan diri, berpengetahuan, sedia bersaing serta handal dalam kegiatan sukan dan jasmani.

Matlamat induk ini dapat dipecahkan kepada matlamat-matlamat yang kecil dan setiap matlamat ini memberikan pelbagai kesan kepada individu dan sikap yang bakal dibentuk melalui kesan-kesan itu.

Ada empat aspek penting di dalam matlamat induk iaitu menghasilkan individu yang melibatkan diri dalam sukan. Dalam hal ini Pusat Sukan menekankan penglibatan 100 peratus pelajar dalam sukan. Bila sudah melibatkan diri individu tersebut akan berpengetahuan mengenai aktiviti sukan yang disertainya. Dengan adanya pengetahuan tersebut individu akan didorong untuk bersaing iaitu dengan mengambil bahagian dalam pertandingan. Apabila penglibatan dalam pertandingan bertambah individu akan menjadi handal dan berprestasi cemerlang dalam sukan yang disertainya.


Maka seluruh matlamat harus merangkumi 100 peratus melibatkan diri dan berpengetahuan, 50 peratus dari 100 peratus tadi sedia bersaing dan 20 peratus dari 50 peratus mencapai peringkat handal. Pecahan matlamat dapat dilihat dalam rajah 3.7 di bawah.

**RAJAH 3.7 : PERATUS PECAHAN
MATLAMAT PUSAT SUKAN**



Dari empat matlamat kecil tadi pelajar dapat memperolehi kesan perkembangan diri, perkembangan hubungan sosial, perkembangan rela bantu, perkembangan ilmu kesukanan, perkembangan semangat dan perkembangan daya diri. Dalam melatih pelajar berdasarkan enam pecahan kesan tadi Pusat Sukan cuba menekankan sikap-sikap yang bakal dibentuk (Rujuk rajah 3.8). Sikap-sikap ini merangkumi keseluruhan aspek individu dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi. Jurulatih yang melatih pelajar akan menekankan sikap-sikap ini supaya pelajar sedar akan kelebihan bersukan dan dapat pula menggunakannya sewaktu menjalani kehidupan seharian.

**RAJAH 3.8 : PECAHAN NATLANAT, KESAN KEPADA INDIVIDU
DAN SIKAP YANG PERLU DIBENTUK**



a. Melibatkan diri

Matlamat ini adalah yang dianggap paling penting. Ini kerana apabila ada penglibatan baharu sebarang matlamat yang digariskan akan dapat dicapai. Walaupun Pusat Sukan tidak mempunyai data yang konkrit untuk menunjukkan penlibatan pelajar dalam sukan tetapi yang jelas hanya 50 peratus sahaja yang dapat atau menggunakan kemudahan sukan sedangkan yang 50 peratus lagi langsung tidak melibatkan diri. (Varsity 1990:190) Maka itu peranan utama Pusat Sukan ialah menekankan penglibatan 100 peratus dan ia dijadikan sebagai teras atau falsafah Pusat Sukan untuk mendapatkan kemudahan kepada semua orang.

Apabila pelajar sudah melibatkan diri maka tiga kesan penting dapat diperolehi oleh individu. Kesan tersebut ialah perkembangan diri, perkembangan hubungan sosial dan perkembangan relabantu.

Seseorang pelajar dapat mengembangkan dirinya dengan melibatkan diri dalam aktiviti sukan seperti bola sepak, bola tampar dan hoki. Perkembangan diri di sini bermaksud membentuk sikap-sikap seperti bertanggungjawab, berkeyakinan dan berkucindan.

Misalnya apabila seorang pelajar diberi tanggungjawab sebagai ketua pasukan bola sepak, ia kini mempunyai kewajipan untuk memimpin pasukannya sewaktu pertandingan. Dia bertanggungjawab menyatukan setiap ahli pasukannya sebagai satu kumpulan yang dapat berkerjasama sewaktu bermain. Sewaktu berlaku perselesihan di padang kapten pasukan bertindak sebagai orang tengah. Sikap bertanggungjawab ini seterusnya akan membantunya membina keyakinan diri. Keyakinan diri meningkatkan penyertaan individu dalam permainan, kesihatannya bertambah baik dan mengurangkan risiko kecederaan. Ia memberi peluang kepada individu untuk lebih berjaya berbanding dengan keadaan di mana dia kurang keyakinan. Di samping itu sebagai seorang pemain dia juga akan didedahkan kepada sikap berkucindan. Berkucindan bermaksud 'sence of humour' iaitu seseorang tidak harus terlalu serius dan tegang dalam pemikiran, dia mesti ada humor dalam pemikiran supaya dapat mengeneipkan ketegangan dan tidak mudah mengambil hati atau membalas jika berlaku kekasaran. Dia perlu menerima sesuatu kejadian secara terbuka dan tidak ada perasaan ingin membalas dendam dalam jiwanya.

Kesan kepada perkembangan hubungan sosial yang perlu ditekankan ialah kesabaran, bekerjasama dan bertoleransi yang mempunyai banyak implikasi dalam masyarakat majmuk sekarang. Ini kerana apabila pelajar keluar bekerja nanti mereka akan bercampur dengan masyarakat. Oleh itu melalui penglibatan dalam aktiviti sukan pelajar dididik untuk berinteraksi antara satu sama lain. Sewaktu bercampur gaul pelajar dapat memahami perasaan dan kehendak orang lain dan bertindak dengan cara yang patut.

Sikap bersabar, bekerjasama dan bertoleransi amat penting dalam masyarakat kita yang mempunyai pelbagai kaum ini. Sikap sedemikian dapat dibentuk pada pelajar yang terlibat dalam sukan iaitu apabila bermain kasar pemain itu dikeluarkan untuk menyedarkan kepadanya tindakan sedemikian adalah tidak baik. Begitu juga pemain yang bersifat individualistik dan enggan bekerjasama tidak diberi bermain kerana sikapnya hanya akan melemahkan pasukannya. Berkongsi matlamat dan bantu-membantu adalah intipati penting dalam kerjasama.

Bagi perkembangan relabantu, sikap berinisiatif amat perlu. Setiap pemain tidak seharusnya menunggu orang lain membuat sesuatu atau hanya membuat ketika suruh. Misalnya seorang peserta acara olahraga tidak perlu menunggu jurulatih untuk memulakan latihan. Inisiatif adalah penting untuk melahirkan individu yang kreatif dan inovatif kerana hanya melalui mereka pembaruan akan dapat dilakukan di dalam masyarakat. Para majikan masa kini berlumba-lumba mendapatkan individu yang berinisiatif.

Perkembangan relabantu juga membentuk sikap seperti bermurahati dan berkeinsafan dibentuk. Ia dibentuk apabila pemain yang melakukan kekasaran sedar akan kesilapannya dan meminta maaf kepada pemain yang dikasarnya. Sekiranya pengadil memberikan kad merah pemain ini sanggup untuk keluar padang tanpa bertelingkah dengan pengadil.

b. Berpengetahuan

Sewaktu melibatkan diri dalam kegiatan sukan, individu akan berpengetahuan mengenai sukan yang disertainya. Ini akan mengembangkan ilmu kesukanan seperti falsafah sukan, pentadbiran sukan, psikologi sukan, perubatan sukan dan pemakanan sukan. Manusia dalam usahanya meningkatkan pemahaman mengenai cara hidupnya akan mendapati pengetahuan mengenai sukan membantunya melakukan kerja sehariannya dengan lebih cepat, cergas dan cerdas. Misalnya sekiranya individu tahu jenis makanan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi sukannya maka ini sudah tentu membantunya memelihara kesihatan badan individu tersebut.

Ilmu kesukanan ini akan membolehkan individu berfikir, sanggup menerima ajaran dan sentiasa meningkatkan kefahaman. Untuk berjaya kita harus berfikir dan dalam sukan berfikir adalah pokok kepada kejayaan. Oleh itu amat penting kita menggunakan otak ketika bermain supaya mencapai kejayaan. Misalnya seorang pemain tengah dalam permainan bola sepak mestilah seorang yang dapat berfikir kerana jika dia mengumpan bola tanpa arah sudah tentu ia akan memberikan masalah kepada penyerang untuk mendapatkan bola yang diumpannya.

Apabila jurulatih menunjukkan cara permainan yang betul pemain sanggup menerima ajaran itu dan sentiasa cuba meningkatkan kefahamannya. Ini bukannya bererti dia adalah pak turut tetapi bagi perkara yang kurang difahami adalah penting sikap sedemikian ada pada individu itu.

c. Sedia bersaing

Setelah individu melibatkan diri dan berpengetahuan maka ia akan bersedia untuk bersaing, maksudnya berperingkat-peringkat dari bawah ke atas tidaklah seperti yang berlaku sekarang di mana kita hanya terus mahu menang tanpa menumpukan perhatian kepada asasnya terlebih dahulu. Keadaan sedia bersaing ini akan mengembangkan semangat iaitu bersikap mahu menang, bermain dengan jujur dan berperaturan.

Negara kita kini mahu meningkatkan tahapnya sebagai sebuah negara maju dalam tahun 2020. Selaras dengan itu adalah penting kita mempunyai individu yang mempunyai sikap mahu menang. Ini kerana tanpa adanya sikap mahu menang, individu tersebut tidak dapat bersaing dengan orang lain yang lebih baik daripadanya. Sikap mahu menang akan memberikan motivasi kepada individu untuk memajukan dirinya dari segi pendidikan, ekonomi dan sosial.

Melalui sukan sikap ini dapat dibentuk misalnya seorang ahli olahraga berlumba 100 meter untuk memenangi pingat emas. Sikap mahu menang yang ada pada dirinya akan mendorongnya untuk bersaing dengan pelari-pelari yang lain.

Dalam masa yang sama adalah penting sikap bermain secara jujur dan berperaturan dibentuk juga. Individu yang mahu menang tetapi tidak jujur dan tidak mengikut peraturan adalah seorang pemenang yang tidak berlaku adil. Seseorang individu yang berpengetahuan mengenai sukan yang disertainya sudah tentu tahu akan peraturan yang terdapat dalam permainan itu.

Majlis Antarabangsa Untuk Sukan Dan Jasmani telah membuat satu penetapan bahawa tanpa permainan berih sukan bukanlah sukan. Penetapan itu disimpulkan oleh McIntosh (1979:115) seperti berikut:

Kami ingin menekankan bahawa sukan boleh memberi sumbangan bermakna kepada pencapaian manusia dan kualiti hidupnya. Tetapi ini hanya berlaku jika ianya dimainkan dengan cara yang jujur

Misalnya kayu hoki hanya boleh digunakan untuk memukul bola hoki dan bukannya untuk memukul pemain pasukan lawan. Oleh itu bila bermain individu harus mengikut peraturan dan bermain secara jujur. Sekiranya berlaku kekasaran, pemain harus bersikap jujur dan mengaku kesilapannya serta mengikut peraturan permainan. Sikap sedemikian perlu kerana implikasinya amat ketara bila individu keluar bekerja di mana dalam usaha mencari kekayaan dan kejayaan, ia perlu mengikut cara yang betul untuk memperoleh kekayaan dan kejayaan itu. Dia perlu mengelakkan dirinya daripada perbuatan rasuah dan penyelewengan. Apa yang jelas sukan cuba membentuk individu yang bermoral.

Kepentingan untuk menang pada masa kini telah mengatasi kepentingan untuk bermain secara jujur dan berperaturan. Kemenangan meninggikan nama pemain, pasukannya dan negaranya malah boleh memberikan ganjaran berbentuk material. Bermain untuk menang memang adat pertandingan tetapi apabila keutamaan diberi kepada keputusan pertandingan maka pemain terdorong untuk melanggar peraturan. Pemain mula bertindak mengikut nafsunya dan sekiranya sikap sedemikian dibiarkan maka pemain menjadi kurang berdisiplin dan bertindak tanpa mengikut undang-undang bila berhadapan dengan masyarakat luar.

d. Handal

Apabila individu sudah melibatkan diri, berpengetahuan dan sedia bersaing maka untuk mencapai peringkat kecemerlangan maka ia perlulah menjadi handal. Istilah handal di sini bermakna cekap dan pandai bermain serta mempunyai skil. Bila individu adalah handal maka dia dapat mengembangkan daya diri iaitu berdayakuasa, berdayatahan dan berdayalentuk.

Melalui aktiviti sukan misalnya acara renang individu yang handal akan dapat membentuk sikap berdayakuasa iaitu kekuatan motor di dalam tenaga fizikalnya sewaktu cuba menghabiskan acaranya. Kekuatan motor berkaitan dengan kematangan mekanisme urat-saraf yang membolehkannya bertindak dengan prestasi yang tinggi.

Satu definisi yang baik bagi dayakuasa ialah penghasilan kekuatan dan kederasan. Ia adalah kadar di mana kerja dilakukan. Kerja adalah pemindahan tenaga dari satu sistem ke sistem yang lain dan unit bagi kerja adalah sama dengan unit bagi tenaga. Dayakuasa ini menguatkan tenaga mental dan tenaga fizikalnya dan individu dapat menghadapi cabaran hidup hariannya.

Dalam masa yang sama individu akan memperolehi dayatahan (endurance) iaitu kecekalan dan dayalentuk. Dayatahan yang diperolehi melalui latihan sukan dapat digunakan ketika bekerja setelah keluar dari universiti. Untuk meningkatkan produktiviti pekerja-pekerja yang mempunyai dayatahan yang tinggi diperlukan. Dalam hal ini seorang yang menyertai aktiviti sukan secara cemerlang mempunyai kelebihan itu.

Aktiviti sukan juga meningkatkan dayalentuk iaitu kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru. Setelah keluar dari universiti seorang ahli sukan mudah dapat menempatkan dirinya dalam sesuatu organisasi kerana dayalentuk yang sudah ada dalam dirinya. Kawalan terhadap sistem badannya membolehkan individu berkeyakinan dan mengurangkan ketegangan.

D. Kesimpulan

Sebagaimana disebut di atas, empat aspek penting iaitu melibatkan diri, berpengetahuan, sedia bersaing dan handal adalah kandungan utama matlamat sukan yang digariskan oleh Fusat Sukan. Apa yang jelas matlamat induk ini merangkumi keseluruhan aspek individu dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi.

Sukan bertindak sebagai media yang memperlihatkan sebahagian daripada nilai dalam masyarakat. Melalui permainan sukan individu seolah-olah mempelajari bagaimana menjalani hidup seharian. Sukan mengembangkan skil motor dan kecergasan fizikal individu. Sukan mempromosi dan menyalurkan nilai-nilai masyarakat kepada individu melalui partisipasi dan berkerjasama. Melalui sukan juga individu diharapkan dapat menyerap moral, kepimpinan dan inisiatif. Individu dapat mengembangkan konsep-konsep diri yang positif dan akan menjadi berdikari. Paling penting sekali ialah individu menjaga kesihatan dan beridentiti supaya dia menyedari sepenuhnya potensinya.

Universiti Malaya kini mempunyai falsafah dan matlamat sukan yang jelas. Dengan ini universiti ini dapat memastikan pendidikan tidak mengabaikan kepentingan nilai sukan dan pertandingan yang telah dipupuk sewaktu di sekolah.

Secara berperingkat-peringkat penumpuan diberikan kepada perkara-perkara asas dalam sukan. Kesemua ini penting kerana jika asas telah cukup dan dengan adanya kerjasama pelbagai pihak yang terlibat dengan sukan maka tidak mustahil matlamat yang digariskan tadi akan tercapai.